

MEDIA STATEMENT

IDEAS launches Sekolah Kita digital campaign to teach Malaysians about challenges of Orang Asli students

Kuala Lumpur, 25 February 2022 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has launched the *Sekolah Kita* digital campaign to teach Malaysians about the challenges facing Orang Asli students, and to reimagine schools to be more inclusive to them. At the heart of the multimedia campaign launched today is the question, “What is your dream school?”

Titled “Sekolah Kita”, the campaign website (sekolahkita.my) is an interactive “lesson” comprising five chapters – each chapter is a short story based on an Orang Asli student’s description of their dream school.

“I want a school that’s in the jungle, a simple building,” says an Orang Asli girl in one of the stories. “We would learn how to catch fish, build houses, about how animals live.”

While conveying their aspirations, these stories speak to their current challenges too. Another Orang Asli girl describes her dream school as being a tall building right within her village, so she wouldn’t have to take an eight-hour lorry ride to school.

Built into the website is a treasure hunt-style game where visitors can discover expert recommendations, hidden within each short story, for how we can make education more accessible for the Orang Asli community.

Upon finding all 12 hidden recommendations, a reward is unlocked. It is an interactive classroom builder, where visitors can design the classroom of their dreams and share it on social media.

“Education access for Orang Asli children is a long-standing issue,” says IDEAS CEO Tricia Yeoh. “We chose this innovative approach, using interactive tools, in the hope that we can spark new conversations, and perhaps arrive at fresh approaches to solving this problem.”

IDEAS had previously published a research paper that analysed the challenges faced by Orang Asli students, and recommended potential policy solutions. The *Sekolah Kita* campaign draws from this research paper, and presents its findings in an interactive format.

One of the key findings from the research paper is the importance of moving away from the prevailing ‘deficit discourse’, where the Orang Asli way of life is seen as the reason for poor academic performance or school attendance. This creates a school environment where Orang Asli children feel unwelcome or discriminated against.

“This is the change we need – to start seeing Orang Asli traditional knowledge and customs as a valuable resource, and as something that can be taught in schools for the benefit of all students,” says Yeoh.

“In this sense, it is not so much the Orang Asli who need to change, but our schools that need to change. We need to reimagine our schools in a way that every child, no matter their ethnicity or class, is celebrated.”

As part of its ongoing advocacy efforts on the issue, IDEAS will be organising a roundtable discussion on the 28th of February with the Malaysian Ministry of Education and other stakeholders to identify key areas where collaboration can generate high impact, for the benefit of Orang Asli students.

The Sekolah Kita campaign is produced by IDEAS, in collaboration with The Fourth.

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D
External Relations Director
zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

IDEAS lancar kempen digital Sekolah Kita untuk didik rakyat Malaysia tentang cabaran yang pelajar Orang Asli hadapi

Kuala Lumpur, 25 Februari 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) telah melancarkan kempen digital Sekolah Kita untuk mendidik rakyat Malaysia tentang cabaran yang dihadapi oleh para pelajar Orang Asli, dan membayangkan semula sekolah agar menjadi lebih terangkum kepada mereka. Tunjang kepada kempen multimedia yang dilancarkan pada hari ini adalah persoalan, “Apakah sekolah impian anda?”

Dinamakan “Sekolah Kita”, laman sesawang kempen ini (sekolahkita.my) merupakan sebuah “pembelajaran” interaktif yang mengandungi lima bab - setiap bab adalah sebuah kisah pendek berdasarkan gambaran pelajar Orang Asli tentang sekolah impian mereka.

“Saya mahukan sebuah sekolah di dalam hutan dengan bangunan yang ringkas,” kata seorang kanak-kanak perempuan Orang Asli dalam salah satu kisah tersebut. “Kami akan belajar menangkap ikan, membuat rumah, dan belajar tentang kehidupan haiwan.”

Di samping menyampaikan aspirasi pelajar Orang Asli, kisah-kisah ini juga menceritakan tentang cabaran semasa yang mereka hadapi. Seorang lagi kanak-kanak perempuan Orang Asli menggambarkan sekolah impiannya sebagai sebuah bangunan tinggi di dalam kampungnya sendiri supaya dia tidak perlu mengharungi perjalanan selama lapan jam dengan menaiki lori untuk ke sekolah.

Satu permainan bercirikan pencarian harta karun telah dibina dalam laman sesawang ini, iaitu para pelawat boleh menjumpai pelbagai saranan pakar untuk menjadikan pendidikan boleh dicapai dengan lebih baik oleh komuniti Orang Asli, yang tersembunyi dalam setiap kisah pendek.

Setelah menemui kesemua 12 saranan tersembunyi itu, satu ganjaran akan diberikan. Permainan ini merupakan satu penciptaan bilik darjah yang interaktif, iaitu para pelawat laman sesawang dapat mencipta sebuah bilik darjah impian mereka dan berkongsikannya di media sosial.

“Capaian pendidikan untuk kanak-kanak Orang Asli adalah satu isu yang berpanjangan,” kata Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh. “Kami memilih pendekatan inovatif ini dengan menggunakan peralatan interaktif dengan harapan, kami dapat mencetuskan perbualan baharu dan mungkin menjumpai pendekatan-pendekatan yang segar untuk menyelesaikan masalah ini.”

IDEAS sebelum ini telah menerbitkan satu kertas kajian yang menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pelajar Orang Asli serta menyarankan penyelesaian dasar yang berpotensi dilaksanakan. Kempen Sekolah Kita ini adalah berdasarkan kertas kajian tersebut dan membentangkan hasil kajiannya dalam satu format yang interaktif.

Salah satu hasil dapatan utama kertas kajian tersebut adalah kepentingan untuk bergerak menjauhi 'wacana defisit' yang sedang berlaku, iaitu kehidupan Orang Asli dilihat sebagai punca kepada prestasi akademik atau kehadiran ke sekolah yang teruk. Hal ini telah mencipta satu suasana persekolahan yang menyebabkan kanak-kanak Orang Asli merasa tidak dialu-alukan atau didiskriminasi.

"Ini merupakan perubahan yang kita perlukan - untuk mula melihat pengetahuan tradisional dan adat budaya Orang Asli sebagai satu sumber yang bernilai, serta sesuatu yang boleh diajar di sekolah untuk manfaat semua pelajar," kata Yeoh.

"Dalam hal ini, ia bukanlah tentang Orang Asli perlu berubah sebaliknya sekolah kita yang perlu melakukan perubahan. Kita perlu membayangkan semula sekolah kita dalam satu cara yang setiap kanak-kanak tanpa mengira etnik atau kelas akan diraikan."

Sebagai sebahagian daripada usaha advokasi yang sedang berlaku berkenaan isu ini, IDEAS akan menganjurkan satu perbincangan meja bulat pada 28 Februari 2022 bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan pemegang taruh lain untuk mengenal pasti perkara utama yang usaha kerjasama akan dapat menjana impak tinggi demi manfaat kepada para pelajar Orang Asli.

Kempen Sekolah Kita ini dihasilkan oleh IDEAS dengan kerjasama The Fourth.

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my